

## **FAQ PILN 2010**

### **1. Bagaimana saya boleh memohon biasiswa JPA di bawah PILN?**

Permohonan boleh dibuat secara *online* sepenuhnya di portal JPA <http://www.jpa.gov.my>, mulai tarikh keputusan SPM 2009 diumumkan. Permohonan adalah percuma.

Pemohon hendaklah mendaftar kata laluan terlebih dahulu sebelum boleh memohon secara *online*.

Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang ada disediakan di Portal JPA <http://www.jpa.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.

### **2. Saya mendapat 9 1A dalam peperiksaan SPM 2008. Bolehkah saya memohon PILN 2010?**

Tidak, PILN 2010 hanya dibuka kepada pelajar cemerlang lepasan SPM 2009 sahaja.

### **3. Bila dan di mana saya boleh melihat iklan PILN?**

Iklan PILN 2010 disiarkan di akhbar Utusan/Mingguan Malaysia, Berita Harian/Minggu, New Straits Times/New Sunday Times, Borneo Post (edisi Sabah dan Sarawak), Tamil Nesan / Tamil Nesan Sunday dan Nanyang Siang Pau. Iklan akan dikeluarkan pada 10,11,13 dan 14 Mac 2010.

### **4. Bila saya boleh memohon PILN dan bilakah permohonan ini akan ditutup?**

Permohonan boleh dibuat pada tarikh keputusan SPM diumumkan. Permohonan akan ditutup tujuh (7) hari selepas keputusan SPM 2009 diumumkan.

### **5. Apakah syarat-syarat permohonan (siapa yang layak memohon)?**

Dibuka kepada pelajar lepasan SPM tahun 2009 sahaja, dengan syarat-syarat:

#### **Syarat-Syarat Umum**

- (i) Warganegara Malaysia
- (ii) Berumur kurang 18 tahun (19 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31/12/2009
- (iii) Mempunyai kesihatan yang baik dan tidak mengidap penyakit-penyakit kritikal seperti Hepatitis, Aids, HIV dan sebagainya.

## Syarat Khusus

Memenuhi syarat minimum gred dan kombinasi subjek yang ditetapkan mengikut bidang/program. Syarat ini boleh dilihat di Portal JPA <http://www.jpa.gov.my> mulai **11 Mac 2010**.

### **6. Apakah bidang-bidang yang ditaja di bawah PILN 2010?**

Bidang pengajian yang ditaja di bawah PILN 2010 adalah Perubatan, Pergigian, Farmasi, Sains Perubatan Veterinar, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Bioteknologi, Sains Pertanian, Ukur Bahan, Sains Tulen, Ekonomi, Hubungan Antarabangsa, Sains Politik & Perniagaan Antarabangsa, Senibina, Undang-undang, Perakaunan dan Perancangan Bandar & Wilayah.

Maklumat lanjut mengenai program tajaan PILN boleh dilihat di Portal JPA <http://www.jpa.gov.my> mulai **11 Mac 2010**.

### **7. Sekiranya saya berminat mengikuti bidang Perubatan, di negara manakah nanti saya akan ditempatkan sekiranya ditawarkan penajaan di bawah PILN 2010?**

Negara-negara yang disenaraikan JPA bagi maksud penajaan bidang perubatan ialah India, Ireland, New Zealand, Republik Czech, Russia, United Kingdom, Poland, Jordan dan Mesir. Senarai ini adalah termasuk pengajian secara berkembar oleh International Medical Universiti (IMU), Penang Medical College (PMC) dan Melaka Manipal Medical College (MMMMC).

### **8. Bila saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil temuduga atau tidak dan bila temuduga akan dijalankan?**

Calon boleh menyemak sama ada berjaya dipanggil temuduga atau tidak, di Portal JPA <http://www.jpa.gov.my> mulai 29 Mac 2010. Temuduga dijadual diadakan dari **5 hingga 8 April 2010**.

### **9. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa temuduga?**

a. Calon perlu membawa dokumen/sijil asal seperti berikut:

- i) Kad Pengenalan;
- ii) Slip keputusan SPM 2009;
- iii) Surat Beranak Calon;
- iv) Surat Beranak Ibu/Bapa/Penjaga;
- v) Sijil-sijil berhenti sekolah;
- vi) Sijil-sijil kewarganegaraan Ibu/Bapa/Penjaga;
- vii) Kad Pesara /Slip Gaji Ibu/ Bapa/ Penjaga;

- viii) Sijil kegiatan kokurikulum bagi tingkatan 4 dan 5 sahaja;
- ix) Sijil Bahasa Asing (sekiranya ada);
- x) Borang Pengesahan Pendapatan Keluarga (muat turun dari <http://www.jpa.gov.my>);
- xi) Borang Pengesahan Kehadiran Program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor (bagi pelajar yang memohon bidang perubatan);

b. Calon juga perlu membawa bersama **salinan dokumen yang telah disahkan** seperti berikut:

- i) Kad Pengenalan;
- ii) Surat Beranak Calon;
- iii) Surat Beranak Ibu/Bapa/Penjaga;
- iv) Sijil-sijil kewarganegaraan Ibu/Bapa/Penjaga;

**10. Siapakah yang perlu menghadiri Program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor dan bilakah ianya dilaksanakan?**

Program ini **diwajibkan kepada semua calon yang memohon pengajian Perubatan** dan dijadual dilaksanakan mulai 22 hingga 26 Mac 2010 di 49 buah hospital Kerajaan di seluruh negara. Calon boleh memilih mana-mana hospital yang disenaraikan di bawah:

**PERLIS**

1. Hospital Tuanku Fauziah Jalan Kolam 01000 Kangar

**KEDAH**

1. Hospital Alor Setar Lebuhraya Darul Aman 05100 Alor Setar
2. Hospital Sultan Abdul Halim Jalan Lencungan Timur Bandar Aman Jaya 08000 Sg. Petani Kedah Darul Aman
3. Hospital Kulim Jalan Mahang 09000 Kulim
4. Hospital Langkawi Bukit Teguh 07000 Langkawi

**PULAU PINANG**

1. Hospital Pulau Pinang Jalan Residen 10990
2. Hospital Bukit Mertajam Jalan Kulim 14000 Bukit Mertajam
3. Hospital Seberang Jaya Bandar Baru Jalan Tun Hussein Onn 10450 Seberang Jaya
4. Hospital Kepala Batas Bertam 13200 Kepala Batas

**PERAK**

1. Hospital Ipoh Jalan Hospital 30450 Ipoh
2. Hospital Taiping Jalan Taming Sari 34000 Taiping
3. Hospital Teluk Intan Jalan Changkat Jong 36000 Teluk Intan
4. Hospital Seri Manjung 32040 Seri Manjung
5. Hospital Slim River 35800 Slim River

## **WP KUALA LUMPUR**

1. Hospital Kuala Lumpur Jalan Pahang 50586 Kuala Lumpur

## **WP PUTRAJAYA**

1. Hospital Putrajaya Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Preaint 7 62250 Putrajaya

## **WP LABUAN**

1. Hospital Wp Labuan Peti Surat 81006 87020 Labuan

## **SELANGOR**

1. Hospital Tengku Ampuan Rahimah 41200 Klang
2. Hospital Selayang Lebuhraya Selayang-Kepong 68100 Batu Caves
3. Hospital Kajang Jalan Semenyih 43000 Kajang
4. Hospital Banting 42700 Banting
5. Hospital Sg. Buloh
6. Hospital Ampang
7. Hospital Serdang

## **NEGERI SEMBILAN**

1. Hospital Tuanku Jaafar Jalan Rasah 70300 Seremban
2. Hospital Tuanku Ampuan Najihah 72000 Kuala Pilah

## **MELAKA**

1. Hospital Melaka Jalan Mufti Haji Khalil 75400 Melaka

## **JOHOR**

1. Hospital Sultanah Aminah 80100 Johor Bahru
2. Hospital Pakar Sultanah Fatimah Jalan Salleh 84000 Muar
3. Hospital Batu Pahat Jalan Kurma Taman Saga 83000 Batu Pahat
4. Hospital Kluang Jalan Hospital 86000 Kluang
5. Hospital Segamat Km 6, Jalan Genuang 85000 Segamat

## **PAHANG**

1. Hospital Tengku Ampuan Afzan (Htaa) Jalan Tanah Putih 25100 Kuantan
2. Hospital Kuala Lipis 27200 Kuala Lipis
3. Hospital Sultan Hj Ahmad Shah Jalan Merah 28000 Teerloh Pahang

## **TERENGGANU**

1. Hospital Sultanah Nur Zahirah Jalan Sultan Mahmud 20400 Kuala Terengganu
2. Hospital Kemaman Jalan Hospital 24000 Kemaman

## **KELANTAN**

1. Hospital Raja Perempuan Zainab li Jalan Hospital 15000 Kota Bharu
2. Hospital Kuala Krai Jalan Kota Bharu 18000 Kuala Krai

## **SABAH**

1. Hospital Queen Elizabeth Karung Berkunci No 2029 88586 Kota Kinabalu
2. Hospital Duchess Of Kent Km 3.2 Jalan Utara 90000 Sandakan
3. Hospital Tawau P.S 67 91000 Tawau
4. Hospital Datin Seri Endon Peti Surat No 65 91107 Lahad Datu
5. Hospital Keningau P.S 11 89007 Keningau

## **SARAWAK**

1. Hospital Umum Sarawak Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce 93586 Kuching
2. Hospital Miri Jalan Cahaya Lopeng 98000 Miri
3. Hospital Bintulu Lebuhraya Abg Galau 97000 Bintulu
4. Hospital Sarikei Jalan Rentap 96100 Sarikei
5. Hospital Sibu Batu 5 1/2, Jalan Ulu Oya 96000 Sibu

**11. Bagaimana saya boleh mengetahui sama ada saya perlu menghadiri Program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor atau tidak?**

Calon boleh menyemak maklumat ini di Portal JPA <http://www.jpa.gov.my>. Semakan adalah berdasarkan nombor kad pengenalan dan boleh dibuat mulai **19 Mac 2010**.

**12. Selain daripada temuduga, adakah saya perlu menduduki apa-apa ujian?**

Ya, semua calon yang layak dipanggil temuduga wajib menduduki **Ujian Khas Biasiswa Persekutuan JPA secara online** di Portal JPA <http://www.jpa.gov.my>. Ujian mula dibuka dari 29 Mac hingga 9 April 2010.

**13. Bagaimana saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ditemuduga dan berjaya mendapat tawaran JPA di bawah PILN 2010? Adakah JPA akan mengeluarkan surat tawaran?**

Semua urusan berhubung PILN 2010 iaitu **permohonan, panggilan menghadiri Program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor, panggilan temuduga, Ujian Khas Biasiswa Persekutuan JPA dan keputusan permohonan** adalah **secara online**. Surat-surat berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak oleh calon. Calon dikehendaki sentiasa menyemak portal JPA <http://www.jpa.gov.my> bagi mengetahui pengumuman/keputusan berhubung PILN 2010.

**14. Apakah kriteria pemilihan calon-calon PILN 2010?**

- (i) Prestasi akademik
- (ii) Penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum
- (iii) Temuduga dan
- (iv) Sosio ekonomi keluarga.

**15. Bolehkah calon menentukan negara pengajian?**

Tidak. Penetapan negara tempat pengajian akan ditentukan oleh JPA berdasarkan kesesuaian dan kelayakan calon.

**16. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian?**

Tidak. Calon-calon yang berjaya ditawarkan biasiswa di bawah PILN perlu mengikuti program persediaan di kolej/pusat persediaan yang telah ditetapkan oleh JPA sahaja.

**17. Di manakah Program Persediaan diadakan?**

Program persediaan akan diadakan di kolej-kolej persediaan yang ditetapkan oleh JPA bergantung kepada bidang pengajian yang diambil dan negara yang ditetapkan.

**18. Apakah nombor yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?**

- (i) Pertanyaan mengenai **masalah teknikal semasa mengisi borang permohonan atas talian** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3541 (2 talian)**. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** mulai **tarikh keputusan SPM 2009 diumumkan secara rasmi** selama 7 hari **sehingga 17 Mac 2010**.
- (ii) Pertanyaan mengenai **masalah teknikal semasa menduduki Ujian Khas Biasiswa Persekutuan JPA** atas talian boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8316 4422, 03-8316 4435 dan 03-8316 4055**. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** mulai **29 Mac 2010 sehingga 9 April 2010**.
- (iii) Pertanyaan mengenai **program tajaan JPA** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3704 (10 talian)**, pada setiap hari bekerja mulai jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel di alamat [piln2010@jpa.gov.my](mailto:piln2010@jpa.gov.my).

(iv) Pertanyaan mengenai **program tajaan MARA** boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA di talian **03-2691 5111 (sambungan 3620, 3625, 3623, 3629, 3627, 1173, 1166, 1172, 1109, 1131 dan 1142)** pada setiap hari bekerja mulai jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel di alamat **[informasibpp@mara.gov.my](mailto:informasibpp@mara.gov.my)**.

- 19. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya berminat untuk mengikuti pengajian di dalam negara?**

Pelajar perlu mengisi permohonan secara atas talian ini dengan memilih "JPA[PERMOHONAN UNTUK UNIVERSITI PENYELIDIKAN DALAM NEGARA]" di ruangan "BUTIRAN PENAJAAN".

- 20. Sekiranya saya tidak dipanggil temu duga, adakah saya boleh merayu?**

Tidak boleh merayu.

- 21. Sekiranya saya telah menghadiri temu duga dan tidak berjaya ditawarkan untuk ke luar negara di bawah PILN 2010, bolehkah saya merayu?**

Boleh dan rayuan boleh dibuat melalui portal JPA di **<http://www.jpa.gov.my>**.

- 22. Kenapa bidang Sains Aktuari tidak ditawarkan di bawah PILN 2010?**

Bidang Sains Aktuari tidak lagi ditawarkan untuk ke luar negara kerana bidang tersebut tidak lagi tergolong dalam bidang keutamaan.

- 23. Sekiranya saya menolak tawaran PILN 2010, adakah saya tidak layak dipertimbangkan sebarang tajaan di bawah JPA?**

Pelajar boleh memohon program penajaan JPA yang lain sekiranya berminat.

**24. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya berada di kem PLKN semasa tempoh permohonan dan temuduga PILN 2010?**

Pelajar perlu mendapatkan kebenaran pihak kem untuk menggunakan perkhidmatan *on-line* termasuk penyemakan panggilan temu duga. Semasa proses temu duga, pelajar boleh memaklumkan kepada pihak kem untuk menghantar pelajar ke pusat temu duga kerana pihak JPA telah bekerjasama dengan pihak JLKN untuk memastikan pelajar dapat hadir ke sesi temuduga.

Soalan tambahan:

**Adakah saya layak untuk memohon Program Biasiswa Nasional yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri?**

Tidak, Program Biasiswa Nasional adalah program khas yang ditawarkan kepada 30 orang pelajar-pelajar paling cemerlang lepasan SPM 2009 yang disenaraikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.